



## KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH: 1 MAC 2022

### Maklumat Projek

Tajuk Projek **SEBUT HARGA PEMERKASA 2021 – KERJA-KERJA PEMBAIKAN, PENYENGGARAAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN BAGI RUMAH TERES 2 TINGKAT JENIS TOWNHOUSE DI JALAN TRAVERS, KUALA LUMPUR DAN 3 BLOK KUARTERS JENIS RUMAH PANGSA MILIK PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) DI JALAN BANGSAR, KUALA LUMPUR**

No Sebut Harga **RAC.K-B/12/22 (PEM)**

- Keterangan
- Penyebut Harga yang berminat dan memenuhi syarat-syarat pendaftaran hendaklah **MENGISI BORANG SARINGAN WAJIB** secara atas talian seperti ketetapan berikut:

Tarikh: 2 Mac 2022 sehingga 8 Mac 2022  
Masa: Tamat pada 11.59 malam (8 Mac 2022)  
Pautan: <https://forms.gle/DatBKyfBQR2zxKNNA>



- Penyebut Harga yang melepas Saringan Wajib sahaja layak menyertai Sebut Harga.** Penyebut Harga yang layak akan menerima emel pengesahan penyertaan Sebut Harga, makluman tarikh taklimat dan kaedah pembayaran.
- Dokumen Sebut Harga dijual dengan harga RM10.00. Penyebut Harga hendaklah membuat pembayaran atas talian (*online transfer*) secara transaksi segera (*instant transfer*) dalam tempoh (6) hari daripada tarikh taklimat.
- Dokumen Sebut Harga boleh dicapai melalui Storan Atas Talian (*Cloud*). Pautan muat turun Dokumen Sebut Harga dan kata laluan akan diberikan setelah Penyebut Harga mengemukakan slip bukti transaksi bayaran.
- Sebarang kesilapan Penyebut Harga dalam membuat bayaran akan mengakibatkan Penyebut Harga tidak menerima pautan muat turun Dokumen Sebut Harga dan kata laluan.

### Maklumat Kontraktor

Taraf	CIDB Gred G2	Jenis syarikat	T1
Kelas	CE	Kategori & Pengkhususan	CE21 (Wajib)

## Maklumat Dokumen Sebut Harga

Harga	RM 10.00	Bayaran Secara Atas Talian	e-melkan bukti transaksi kepada alamat e-mel <a href="mailto:perolehan@rac.gov.my">perolehan@rac.gov.my</a> dan salinkan kepada e-mel <a href="mailto:hasil@rac.gov.my">hasil@rac.gov.my</a>
Tarikh mula dokumen boleh dimuat turun	22/3/2022	Tarikh akhir dokumen boleh dimuat turun	27/3/2022
Capaian muat turun	Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun ( <i>Download</i> ) melalui capaian URL yang akan diemelkan kepada Penyebut Harga yang melepas saringan awalan.		
Tarikh ditutup	<b>29/3/2022</b>	Waktu ditutup	<b>12:00 tengah hari</b>
Tempat ditutup	Unit Perolehan, Perbadanan Aset Keretapi, Aras 15, IOI City Tower 2, Lebuh IRC, IOI Resort City Putrajaya, 62502 Sepang, Selangor.		

## Lawatan Tapak

Tidak wajib. Walau bagaimanapun, kontraktor yang **melepas saringan awalan RAC** dan **disenarai pendek** bagi tujuan pembelian dokumen sebut harga **dan lengkap 2 dos vaksin**, dijemput untuk menghadiri **Taklimat Tapak di Kuarters KTMB Jalan Travers pada 15/3/2022 jam 11.30 pagi** bagi mendapatkan penerangan ringkas daripada pihak perunding yang dilantik oleh RAC.

## Penghantaran Dokumen Sebut Harga

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga di penjuru kiri sebelah atas sampul** serta dikemukakan **sebelum atau pada 29 Mac 2022 jam 12.00 tengah hari** ke alamat:

PENGURUS BESAR  
PERBADANAN ASET KERETAPI  
Aras 15, IOI City Tower 2,  
Lebuh IRC, IOI Resort City Putrajaya,  
62502 Sepang, Selangor.

**Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara serahan tangan / pos berdaftar / kurier** dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam Arahan Kepada Penyebut Harga.

Penyebut Harga dinasihatkan supaya merujuk iklan sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) dilaksanakan. Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga di atas boleh diajukan kepada Unit Perolehan RAC di talian 03 - 8939 0200 atau emel [perolehan@rac.gov.my](mailto:perolehan@rac.gov.my)